

Puluhan ribu rakyat serbu KL

Bazar Aidilfitri, pusat beli-belah dibanjiri pengunjung dari seluruh negara

PULUHAN ribu rakyat bagi 'melepaskan gian' selepas dua tahun tidak dapat beraya sakan akibat pandemik Covid-19 apabila menyerbu bazar Aidilfitri serta pusat beli-belah di Kuala Lumpur untuk membuat persiapan menyambut perayaan itu.


Tinjauan di Lorong Tuanku Abdul Rahman (TAR), sekitar Masjid India, Jalan Chow Kit dan Jalan Bukit Bintang sempena cuti hujung minggu semalam mendapati, orang ramai tidak kisah menempuh kesesakan trafik luar biasa dan bersesak-sesak serta beratur panjang untuk memasuki gerai dan premis perniagaan.

Malah, ada yang sanggup datang dari luar Kuala Lumpur termasuk dari Singapura dengan menumpang tidur di rumah saudara serta rakan-rakan atau menyewa hotel semata-mata mahu membeli-belah kelengkapan hari raya.

**» LAPORAN PENUH
DI MUKA 2 & 3**



KEADAAN trafik sesak berikutan orang ramai keluar membeli-belah untuk persiapan raya di sekitar Jalan TAR, Kuala Lumpur semalam. - MOHD. FIRDAUS MOHD. JOHARI

Info
Solat

	Subuh	Syuruk	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak		Subuh	Syuruk	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak		Subuh	Syuruk	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
Kuala Lumpur	5:55	7:04	1:14	4:29	7:20	8:31	Johor Bahru	5:49	6:58	1:06	4:22	7:09	8:20	Kuala Terengganu	5:47	6:57	1:08	4:22	7:15	8:26
Shah Alam	5:55	7:03	1:14	4:29	7:20	8:31	Ipoh	5:57	7:04	1:17	4:31	7:23	8:34	Kota Bharu	5:50	7:00	1:12	4:25	7:20	8:27
Seremban	5:55	7:05	1:12	4:29	7:17	8:28	Pulau Pinang	5:58	7:07	1:19	4:33	7:26	8:38	Kuantan	5:50	7:00	1:09	4:24	7:14	8:25
Melaka	5:54	7:04	1:12	4:28	7:16	8:27	Alor Setar	5:57	7:06	1:19	4:32	7:27	8:38	Kangar	5:57	7:08	1:19	4:32	7:28	8:39



KOMPLEKS Sogo antara pusat beli-belah yang diserbu pengunjung.

(25 April 2022) - Kosmo, P2



ORANG ramai membanjiri bazar Aidilfitri untuk membeli kelengkapan hari raya di Lorong TAR, Kuala Lumpur semalam - MOHD. FIRDAUS MOHD. JOHARI

Pengunjung dari seluruh negara serbu bazar Aidilfitri, pusat beli-belah di ibu negara

'Lepas gian' beli-belah pakaian raya

Oleh AHMAD SHAHERMAN
SHAMSURI dan FIRDAUS HANAFI

KUALA LUMPUR - Puluhan ribu pengunjung dari serata negeri, malah dari Singapura menyerbu bazar Aidilfitri dan pusat beli-belah popular yang menjadi tumpuan jualan kelengkapan hari raya di ibu negara semalam.

Mereka bagai 'melepaskan gian' untuk membuat persiapan Aidilfitri bagi memeriahkan lagi sambutan kali ini selepas dua tahun tidak dapat beraya sakan akibat pandemik Covid-19.

'Kebebasan' yang diberikan kerajaan tahun ini menyebabkan mereka tidak kisah menempuh kesesakan trafik luar biasa dan beratur panjang untuk memasuki gerai serta premis perniagaan.

Antara lokasi yang dibanjiri pengunjung seperti di Lorong Tuanku Abdul Rahman (TAR), sekitar Masjid India, Jalan Chow Kit dan Jalan Bukit Bintang.

Tinjauan Kosmo! di beberapa pusat beli-belah terkenal semalam mendapati, rata-rata pengunjung mula memenuhi pekarangan kompleks itu sejak pukul 8 pagi walaupun ia mula beroperasi sekitar pukul 10 pagi.

Di Kompleks Sogo dan Lorong TAR misalnya, orang ramai mula berada di lokasi itu seawal pukul 8 pagi bagi mengelakkan ketiadaan tempat letak kenderaan dan tidak mahu bersesak dengan pengunjung lain.

Selain itu, ketika tinjauan di dalam Sogo mendapati, hampir

setiap tingkat dipenuhi ribuan pengunjung, manakala kaunter pembayaran pula sesak dengan pelanggan sehingga ada yang terpaksa beratur lebih sejam.

Seorang pengunjung dari Seremban yang dikenali sebagai Haliza, 43, berkata, dia bersama keluarganya tiba di Kompleks Sogo kira-kira pukul 8 pagi.

Katanya, mereka sekeluarga menumpang di rumah saudaranya di Wangsa Maju dan datang awal ke pusat beli-belah itu untuk mendapatkan tempat letak kenderaan yang lebih dekat.

"Memang kami tiap-tiap tahun akan datang membeli-belah di Sogo kerana apabila musim perayaan banyak diskaun ditawarkan.

"Selain Sogo, sekitar kawasan ini juga banyak kedai pakaian, jadi senang kami buat pilihan," kata ibu kepada tiga orang anak itu ketika ditemui semalam.

Seorang pengunjung dari Ampang, Selangor, Mohd. Iqbal Hamdan, 32, berkata, dia dan adik-beradiknya mengambil peluang cuti hujung minggu untuk membeli-belah kelengkapan raya di sekitar Lorong TAR.

Katanya, selepas lebih dua tahun tidak membeli-belah di tempat itu kerana bimbang penularan Covid-19, kali ini dia tidak melepaskan peluang berbuat demikian setelah diberi 'kebebasan'.

"Di Lorong TAR, semua ada, daripada pakaian sehinggalah makanan seperti biskut raya yang dijual pada harga yang lebih murah berbanding tempat lain,"



PENGUNJUNG tidak melepaskan peluang berbelanja pada Festival Gaya Raya di MITEC, Jalan Dutamas, Kuala Lumpur semalam.

kata kakitangan swasta sebuah syarikat telekomunikasi.

Sementara itu, ribuan pengunjung termasuk dari Singapura turut membanjiri Pusat Dagangan Antarabangsa Malaysia (MITEC) di Jalan Dutamas di sini sempena Festival Gaya Raya.

Festival tersebut berlangsung selama tiga hari secara berterusan untuk tempoh 72 jam tanpa henti dengan lebih 250 kedai untuk dikunjungi.

Seorang pengunjung dari Singapura, Hariri Sam, 25, berkata, pelbagai pilihan barangan kelengkapan hari raya yang ditawarkan pada harga murah terdapat di MITEC.

Disebabkan itu, dia sanggup datang dari jauh semata-mata mahu membeli-belah sempena festival berkenaan.

"Saya sebenarnya rakyat Malaysia dan pernah bekerja di Kuala Lumpur sebelum mencari rezeki di Singapura.

"Jadi, saya juga berpeluang mengeluarkan duit Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan sebahagian wang itu juga saya gunakan untuk membeli-belah.

"Tahun ini, saya rasa hari raya saya bersama keluarga di Singapura pastinya meriah walaupun di perantauan," ujarnya

Syadatul Ariffin, 24, pula sang-

gup memandu dari Negeri Sembilan ke Kuala Lumpur bersama beberapa rakannya untuk mendapatkan kelengkapan hari raya.

"Berbaloi rasanya, sebab pilihan yang ada di sini memang banyak, sampai saya tak tahu nak pilih yang mana," ujarnya.

Bagi peniaga busana raya di MITEC, Muhammad Aiman, 21, memberitahu, raya tahun ini lebih istimewa berbanding ketika musim pandemik Covid-19.

"Dari segi jualan memang lain sangat, faktor utama mungkin sebab kini pengunjung dibenarkan untuk kembali keluar selepas dua tahun yang terkurung," katanya.

Sementara itu, bagi seorang peniaga kedai pakaian di Lorong TAR yang mahu dikenali sebagai Hussien, 56, berkata, suasana di sekitar kawasan itu kembali meriah selepas kerajaan melonggar prosedur operasi standard (SOP).

Katanya, ramai peniaga lain juga menarik nafas lega apabila kawasan tumpuan itu kembali 'hidup' dan dipenuhi ramai pengunjung.

"Alhamdulillah, sejak awal Ramadan, pengunjung tidak putus-putus mengunjungi kawasan ini, saya sebagai peniaga sangat lega.

"Kawasan ini kembali meriah seperti sebelum pandemik melanda negara yang mana hampir semua kedai dipenuhi pengunjung. Jualan kami juga meningkat lebih dua kali ganda," ujarnya.

Oleh ZAKI SALLEH, ABDUL RAZAK IDRIS, DIYANATUL ATIQA ZAKARYA, NOOR HASLIZA NUSI dan AFIFI HAFIZ MOHD. NOR

(25 April 2022) - Kosmo, P3

Orang ramai sanggup menunggu sejak awal pagi di luar pusat pakaian

Pukul 8 pagi sudah mula beratur

SHAH ALAM – Berbaki kira-kira seminggu lagi untuk menyambut perayaan Aidilfitri, orang ramai sanggup beratur seawal pukul 8 pagi di premis-premis menjual baju dan kelengkapan raya untuk melakukan persiapan akhir.

Tinjauan Kosmo! mendapati, orang ramai bukan sahaja dari daerah ini berpusu-pusu membanjiri pusat pakaian dan pusat pemborong sekitar Seksyen 7, Shah Alam, malah turut dibanjiri penduduk dari daerah-daerah berhampiran.

Mereka bukan sahaja sanggup meredah kesesakan jalan raya, malah ada yang 'turun' membeli seawal pukul 8 pagi bagi mendapatkan tempat meletakkan kenderaan di lokasi pembelian.

Menurut seorang pekerja swasta, Farrish Khalid, 49, dia bersama lima ahli keluarganya keluar dari rumah di Kampung Datuk Keramat, Kuala Lumpur dekat sini seawal pukul 8 pagi bagi mencari pakaian raya.

Katanya, tradisi membeli di daerah ini diteruskan selepas dia berpindah ke Kuala Lumpur dari Shah Alam beberapa tahun lalu.

"Ingatkan sampai awal kira-kira pukul 9 pagi, orang tidak ramai. Nyata meleset apabila tempat kereta sudah penuh di kawasan Seksyen 7 ini.

"Orang ramai juga telah menunggu di depan beberapa buah kedai agar menjadi yang pertama memasuki premis tersebut," katanya ketika ditemui Kosmo! semalam.

Seorang pengunjung dari Kuala Kubu Bharu, Badrul Azmi Amran, 53, memberitahu, dia sanggup menempuh perjalanan sejauh kira-kira 90 kilometer bagi mendapatkan koleksi baju raya di sekitar Seksyen 7.

Katanya, tambahan pula lokasi itu menempatkan banyak butik dan pusat pemborong pakaian dengan harga lebih murah serta kedai emas.

Bagi seorang penduduk Seksyen 24, di sini, Shamsuddin Ahmad, 52, berkata, dia terkejut dengan kehadiran pengunjung lain yang memenuhi pusat komersial tersebut dia berasakan seperti orang ramai mahu membalas dendam selepas dua tahun tidak dapat beraya akibat pandemik.

"Entah dari mana pengunjung ini semua, rasanya dari luar Shah Alam. Saya yang berasal dari sini pun terpaksa bersesak dengan orang luar," katanya.

Di Melaka, aliran trafik untuk masuk ke parkir sebuah pusat beli-belah di Peringgit sesak sehingga empat kilometer bermula dari BHP Malim sehingga kawasan sekitar Jalan Lagenda dan Jalan Seri Cempaka.



KEADAAN Bazar Raya Aidilfitri Senawang, Seremban yang dibanjiri oleh orang ramai kelmarin bagi membuat persiapan menyambut Aidilfitri. – MOHD. SHAHJEHAN MAAMIN

Menurut seorang pengunjung, Maizatul Syarina Syafie, 41, dia datang bersama suami dan empat anaknya sejak pukul 11 pagi untuk mencari baju raya serta barang dapur bagi menyediakan juadah tradisi Aidilfitri.

"Sebelum ini tak sempat nak beli barang kerana suami bekerja tetapi tak sangka pula hari ini pusat beli-belah penuh, nak membayar pun kena beratur panjang," katanya.

Tambahnya, dia telah berbelanja kira-kira RM800 dengan membeli 10 pasang baju raya untuk keluarga, termasuk empat orang anaknya berusia antara tiga bulan sehingga 11 tahun.

Di George Town, beberapa jalan utama menghala ke pusat bandar ini mula sesak terutama di Lebuh Raya Tun Dr. Lim



ORANG ramai membawa ahli keluarga masing-masing semasa membeli-belah di sebuah premis di Ipoh semalam.

Choong Eu dari arah Jambatan Pulau Pinang di sini sejak tengah hari semalam.

Pengguna jalan raya dikatakan terpaksa menempuh kesesakan hampir sejam dari tanah besar menuju ke arah pulau mulai

pukul 1.45 tengah hari.

Seorang pelanggan, Ahmad Safuan Ahmad, 45, berkata, dia dan keluarganya terpaksa berjalan jauh kira-kira satu kilometer untuk ke pusat beli-belah berdekatan Kompleks Tun Abdul Razak (Komtar) semata-mata mahu membeli pakaian raya untuk empat orang anaknya.

"Sudahlah tempat letak kereta penuh, kami pula terpaksa berjalan kaki meninggalkan kereta di petak parkir hadapan premis di Jalan Argyll.

"Semalam (kelmarin) dan hari ini (semalam) sahaja masa yang ada dan terluang untuk keluarga membeli barangan keperluan hari raya. Memang terpaksa jugalah bersesak dengan orang ramai," katanya.

Sementara itu, seorang lagi pengunjung di pusat beli-belah di Bayan Baru, Norhayati Mahmud, 51, pula memberitahu, dia terpaksa beratur panjang di kaunter pembayaran sehingga hampir setengah jam petang semalam.

"Memang perlu redah juga, jika tidak memang tak dapat peluang beli baju raya untuk anak-anak. Penat puasa tolak tepi janji kami puas hati dapat beli keperluan raya," jelasnya.

Di Ipoh, faktor gaji yang masuk awal bagi sesetengah pekerja swasta juga menyebabkan mereka dapat membeli-belah sama ada di gedung tekstil atau butik kegemaran.

Eksekutif swasta, Nor Haslinda Abdul Aziz, 40, berkata, majikannya membayar gaji lebih awal pada bulan ini bagi memberi peluang kakitangan untuk berbelanja raya.

Katanya, tambahan wang bonus perayaan yang diberikan pula menggandakan lagi keseronokan.

"Memandangkan dua tahun kita tidak meraikan raya secara meriah disebabkan pandemik jadi apa salahnya jika ada peluang sedemikian kali ini.

"Dalam soal berbelanja pula saya cuma membeli dua pasang pakaian untuk diri sendiri, suami dan tiga anak," katanya.

Pekerja kilang, Fazli Zainal, 35, pula memberitahu, suasana sibuk dengan kehadiran pengunjung yang ramai sebenarnya menambah keseronokan membeli-belah.

Baginya, situasi itu juga menandakan bahawa keadaan semasa ketika ini semakin baik, manakala iklim perniagaan beransur pulih.

"Nama pun hari raya, cuma setahun sekali saja tambahan pula sudah dua tahun kita sambut raya dalam suasana muram sebab pandemik," ujarnya.

Di Seremban, tinjauan Kosmo! di sekitar bandar raya ini sesak dengan orang ramai yang keluar membeli-belah pada saat-saat akhir.

Menurut seorang perunding takaful, Mohd. Fitry Kamalrudin, 36, dia tiada pilihan berbelanja untuk perayaan kali ini pada saat akhir kerana kekangan masa.

Katanya, ada juga terpaksa beli barang pada saat akhir disebabkan beberapa faktor terutamanya kewangan kerana orang ramai baru dapat gaji dan ada yang baru dapat duit Pengekangan Khas Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

"Saya tak nafikan membeli-belah ketika ini memang sesak tetapi nak buat macam mana, faktor kekangan masa juga antara sebab beli pada saat akhir.

"Membeli-belah pada saat akhir ada kelebihan dan kekurangannya sebagai contoh kelebihan lebih banyak tawaran diskaun dan kekurangannya ialah barang yang dicari kehabisan stok," katanya ketika ditemui di Senawang semalam.



PENGUNJUNG sanggup menanti seawal pukul 8 pagi untuk masuk ke pusat pakaian di Seksyen 7, Shah Alam semalam.